

2 nasihat untuk Pemuda

PUTRAJAYA: Tun Dr Mahathir Mohamad menasihati ahli Pemuda Umno menjauhi rasuah kerana ia bukan saja berbahaya kepada diri, malah memusnahkan parti, bangsa dan agama.

Bekas Presiden Umno itu berkata, sebagai barisan pengganti kepemimpinan masa depan Umno, Pemuda harus menumpukan tenaga serta perjuangan untuk menghidupkan parti supaya sentiasa kukuh.

"Inilah dua nasihat saya iaitu jangan terbabit rasuah dan berusaha betul-betul untuk beroleh kejayaan bukan untuk diri sendiri, sebaliknya untuk bangsa dan negara," katanya ketika majlis menerima kunjungan 35 ahli Pergerakan Pemuda Bahagian Johor Bahru diketuai Khalid Mohamed, di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini semalam.

Kunjungan itu bertujuan mengetahui peranan yayasan berkenaan.

Dr Mahathir berkata, Pemuda Umno Umno perlu mengelak perasaan tamak daripada menguasai diri yang mungkin mendorong mereka terbabit rasuah.

"Saya selalu ingatkan ahli Umno jangan terbabit dengan rasuah... duit banyak, sikit cukuplah. Jika kita boleh bendung perasaan tamak dan jika sayangkan bangsa, insya-Allah kita boleh maju.

"Kita mahu Pemuda memainkan peranan menguatkan Umno kerana masih banyak kerja yang perlu dilakukan," katanya.

Mengenai dirinya, Dr Mahathir berkata sebaik bersara, beliau berhasrat untuk berehat iaitu masuk pejabat pada waktu pagi dan berehat pada petangnya.